



**BANTAH:** Penduduk mengadakan piket secara aman selama kira-kira 10 minit bagi menyuarakan bantahan mereka terhadap kewujudan kandang ternakan babi di kawasan mereka, kelmarin.

MOHAMAD YATIM LATIP / BERITA HARIAN



**HAMPIR:** Kandang ternakan babi yang terletak begitu hampir dengan rumah penduduk di Sungai Tuang.

“Jumlah keseluruhan babi yang ditenak di kawasan itu dianggarkan lebih kurang 150,000 ekor dan ia melebihi jumlah penduduk di kedua-dua DUN terbabit”

**Rozamri Kambul**  
Ketua Pemuda Umno Bahagian Masjid Tanah



“Masalah paling teruk yang kami hadapi adalah ketika hujan lebat, apabila pengusaha dipercayai melepaskan air sisa kumbahan ke dalam sungai dan ia terus mengalir ke laut”

**Abu Bakar Darum**  
Pengerusi JKKK Kampung Telok Gong



# Kandang babi cemar udara, air

Penduduk DUN Kuala Linggi, Tanjung Bidara minta kerajaan negeri ambil tindakan terhadap pengusaha cemari Sungai Telok Gong

Oleh Mohamad Yatim Latip

**M**ELAKA: Kira-kira 200 penduduk kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Linggi dan Tanjung Bidara, Masjid Tanah, dekat sini baru-baru ini, membantah kewujudan kandang babi di kawasan itu yang menimbulkan masalah sejak lebih 50 tahun lalu.

Masalah utama yang dibangkitkan ialah pencemaran udara iaitu bau busuk, pencemaran air akibat air najis daripada sisa kumbahan kandang ternakan babi yang mengalir ke Sungai Telok Gong dan Sungai Besar, Kuala Sungai Baru.

Malah, masalah itu dikatakan turut mencemar pantai Kuala Sungai Baru.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Ujong Padang, Omar Md Noh, berkata piket diadakan bagi menyuarakan rungutan penduduk kawasan terbabit yang tidak mahu operasi ternakan babi dijalankan di kawasan berkenaan sama ada DUN Kuala Linggi mahupun Tanjung Bidara.

Katanya, masalah itu sudah berlarutan sejak sekian lama meskipun semua Pengerusi JKKK di kedua-dua DUN sudah menghantar memorandum kepada Ketua Menteri, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, awal tahun ini.

Beliau mendakwa, selepas penyerahan memorandum, perbincangan bersama Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Datuk Wira Ismail Salleh diadakan, tetapi sehingga kini tiada sebarang tindakan diambil.

“Penduduk di sini sudah tidak tahan lagi berdepan dengan masalah bau dan pencemaran air akibat kegiatan ternakan babi sejak berpuluh-puluh tahun lalu... kandang babi di tengah-tengah perkampungan Melayu.

“Sekarang, jumlah kandang semakin bertambah di kawasan ini... lagi bertambah besar kami... menghidu bau busuk setiap hari.

“Pernah juga ketika menunggu motosikal untuk ke masjid menunaikan solat, ada penduduk terkena percikan air babi daripada lori yang mengangkutnya apabila lori itu menggunakan jalan utama di sini,” katanya ketika ditemui di sini.

Sementara itu, Ketua Pemuda Umno Bahagian Masjid Tanah, Rozamri Kambul, berkata ada kira-kira 67 pengusaha ternakan babi dalam DUN Kuala Linggi dan Tanjung Bidara pada masa ini.

Beliau mendakwa, jumlah keseluruhan babi yang ditenak di kawasan itu dianggarkan 150,000 ekor dan ia melebihi jumlah penduduk di kedua-dua DUN terbabit di mana purata

perbandingan antara penduduk dan haiwan berkenaan adalah 1:3 iaitu tiga ekor babi bagi setiap penduduk.

Sementara itu, Pengerusi JKKK Kampung Telok Gong, Abu Bakar Darum, 58, berkata, pertambahan penutupan kandang ternakan di Bukit Pelanduk, Lukut, Negeri Sembilan selepas wabak Japanese Encephalitis (Nipah Virus) melanda kawasan itu pada pertengahan 1990-an.

“Kami bukannya hendak menyekat aktiviti penternakan haiwan terbabit, tetapi terlalu banyak kandang di sini meresahkan penduduk kerana bau busuk dan pencemaran air yang menjejaskan kawasan pantai di sini... pantai bertukar kotor.

“Masalah paling teruk yang kami hadapi adalah ketika hujan lebat, apabila pengusaha kandang babi dipercayai melepaskan air sisa kumbahan haiwan berkenaan ke dalam sungai dan ia terus mengalir ke laut, sekali gus mencemarkan pantai Telok Gong dan Sungai Tuang, Kuala Sungai Baru,” katanya.

Difahamkan kesemua kandang ternakan babi itu beroperasi di tengah antara 15 kampung dengan anggaran penduduk seramai 20,000 hingga 30,000 orang.

Malah, satu kandang beroperasi dalam jarak 50 meter daripada rumah penduduk di Kampung Sungai Tuang, Kuala Sungai Baru.

## FAKTA



**Masalah pencemaran perternakan babi**

- Pencemaran udara iaitu bau busuk mengganggu penduduk setempat.
- Pencemaran air akibat air najis daripada sisa kumbahan kandang ternakan babi yang mengalir ke Sungai Telok Gong dan Sungai Besar, Kuala Sungai Baru.

**fe'maritz**  
The Guardian of Beauty

**LADIES CLUB**

**ONE STOP CENTRE**  
**KOMBINASI KECANTIKAN DAN**  
**KESIHATAN YANG PERTAMA**  
**DI MALAYSIA**

*Spa*

Hanya **RM100** sahaja  
anda boleh menikmati  
Nilai terhebat  
dengan pekej bernilai lebih dari  
**RM 1000**

*Gym*

**6 Promosi**  
**Percuma hebat**  
sempena pembukaan

*Slimming*

<p>* 1 x <b>COSMOSLIM™</b> Rawatan Pelangsingan Badan</p> <p><b>PERCUMA</b> Bernilai <b>RM 480</b></p>	<p>* 1 bulan tanpa had Terapi Spa</p> <p><b>PERCUMA</b> Bernilai <b>RM 108</b> <small>satu kali</small></p>
<p>* 1 x <b>33 Botanical</b> Rawatan Muka</p> <p><b>PERCUMA</b> Bernilai <b>RM 150</b></p>	<p>* 1 bulan Sesi Yoga</p> <p><b>PERCUMA</b> Bernilai <b>RM 80</b></p>
<p>* 1 bulan tanpa had Terapi Mandian</p> <p><b>PERCUMA</b> Bernilai <b>RM 108</b> <small>satu kali</small></p>	<p>* 1 bulan tanpa had penggunaan Kemudahan Gym</p> <p><b>PERCUMA</b> Bernilai <b>RM 80</b></p>

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi cawangan kami:

Plaza Mahkota: **06-284 6063** (Crystal / Amy)

Melaka Jusco: **06-231 6063** (Cannie / Cecilia)

Mahkota Parade: **06-282 9063** (Stella / Chris)

No. 15, Jalan PM 2, 75000 Bandar Hilir, Melaka. Dimiliki oleh LABORATOIRE BEAUTY SPECIALIST GROUP

Selamat berkunjung ke pameran kami di Mahkota Parade pada 21hb hingga 30hb untuk menikmati lebih promosi!